

KADAR BAYARAN SAGUHATI KEPADA PENSYARAH/PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN BERDASARKAN AMAUN KUMULATIF ENAM (6) BULAN GAJI

Bersetuju meluluskan bayaran saguhati kepada mana-mana pegawai Kerajaan yang memberikan syarahan secara sambilan di UPSI dibayar berdasarkan amaun kumulatif 6 bulan gaji setahun mulai tahun 2012 berdasarkan:-

- jumlah gaji pegawai untuk satu tahun dibahagi dua (2), iaitu bersamaan enam (6) bulan gaji.
- jumlah enam (6) bulan gaji adalah dikira sebagai kelayakan yang boleh dituntut mewakili setengah (1/2) bulan gaji mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2005.
- jika had enam (6) bulan gaji telah dituntut walaupun sebelum akhir sesuatu tahun itu, tiada bayaran yang akan dibuat.

Bersetuju kadar ini dibayar dengan mensyaratkan:-

- (i) setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang mengendalikan program yang melibatkan tugas sambilan tidak boleh sewenang-wenangnya menyalahgunakan peraturan ini dan perlu merancang dengan mengagihkan kuliah bagi mencapai/membolehkan mereka menuntut kelayakan yang diberikan.
- (ii) jika tugas pensyarah sambilan ini melibatkan pensyarah UPSI sendiri, bayaran hanya boleh diluluskan selepas beban tugas mengajar mereka dipenuhi (over and above).
- (iii) pelantikan pensyarah/penceramah sambilan akan dikeluarkan oleh Pendaftar bagi program-program berikut:-
 - program/kursus yang tidak mempunyai pensyarah tetap/tiada kepakaran.
 - program/kursus yang dirancang melalui Unit Latihan, Jabatan Pendaftar.
 - program/kursus yang dibuat atas permintaan pelanggan.